

SAMBUTAN SISWA SISWI BAGI SIDANG AKADEMIK 2008/2009

Teks Ucapan

Y.Bhg. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN

Naib Canselor

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

pada 1 Julai 2008, di Dewan 2020, Kangar, Perlis.

Bismillah Hirrahan Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsaan),

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi),

Pegawai-Pegawai Utama Universiti.

Dekan – Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan, Wakil-Wakil Media.

Barisan Urusetia Minggu Suaikenal Serta Pembantu-Pembantu Pelajar Minggu Suaikenal,

Yang dikasihi pelajar-pelajar baru Universiti Malaysia Perlis
bagi sidang akademik 2008/2009

Lokan Dibawa dari Perlis,
Rebusan ditumpang dalam kualiti,
Kalian umpama penyeri majlis,
Hamba menyumbang salam diberi.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya dapat kita berkumpul pada pagi ini dalam suasana yang penuh keceriaan dan ketenangan. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang kepada semua pelajar baru UniMAP bagi sidang akademik 2008/2009. Tidak lupa juga ucapan tahniah kerana berjaya melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah dan diploma setelah menamatkan pengajian di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia, Diploma, Matrikulasi dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia.

Tahniah daripada saya, kerana para pelajar semua semua kini sudah melangkah ke satu alam baru, alam Menara Gading yang bakal menjanjikan pelbagai cabaran dan keseronokan dalam usaha mendaki puncak kejayaan. Saya percaya, adalah menjadi impian dan harapan semua orang untuk melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat tertinggi tetapi bukan semua orang mampu meraihnya.

Para pelajar semua harus sedar, persaingan diantara setiap pelajar untuk diterima masuk ke universiti amat sengit. Jika dahulu jumlah pelajar yang mencatatkan keputusan cemerlang tidaklah begitu tinggi, tetapi kini dari tahun ke tahun, jumlah pelajar yang meraih semua A dalam peperiksaan semakin meningkat. Situasi ini menyebabkan ada individu yang gagal melanjutkan pengajian walaupun cemerlang di peringkat SPM dan STPM.

Maka, sewajarnya para pelajar semua berasa bertuah kerana tergolong dalam kelompok yang terpilih untuk menggali sebanyak mungkin ilmu sebagai bekalan di masa hadapan. Semoga peluang yang diperoleh ini tidak akan dipersiapkan, sebaliknya menjadi pembakar semangat untuk mencatatkan kejayaan yang lebih Cemerlang, gemilang dan terbilang selaras dengan Visi UniMAP.

Para pelajar yang dikasihi sekalian;

UniMAP amat bertuah pada tahun ini kerana menerima sejumlah 1,144 pelajar iaitu terdiri daripada 622 pelajar lelaki dan 522 pelajar perempuan. Jika mengikut nisbahnya pula dilihat agak seimbang iaitu 54% pelajar lelaki dan 46% pelajar perempuan. Ia merupakan satu peningkatan berbanding pengambilan sesi 2007/2008 iaitu 63% lelaki dan 37% pelajar

perempuan. Ini membuktikan, bahawa golongan wanita kini semakin berminat akan alam kejuruteraan yang sebelum ini didominasi oleh pelajar lelaki.

UniMAP atau dahulunya dikenali sebagai KUKUM telah ditubuhkan sebagai sebuah IPTA yang ke-17 setelah ia diluluskan oleh kabinet pada 25 Julai 2001. Mulai 7 Februari 2007 KUKUM telah ditukar nama kepada Universiti Malaysia Perlis melalui proses penjenamaan semula universiti. Penubuhan UniMAP bertujuan untuk melahirkan jurutera berkemahiran tinggi bagi memenuhi pelan perindustrian negara selain memberi alternatif kepada pelajar yang cenderung kepada pembelajaran secara praktikal.

Pembelajaran yang dilaksanakan di UNIMAP adalah secara 'lab intensive' atau praktikal bagi menghasilkan jurutera yang berkebolehan dalam merekabentuk, membuat peralatan, menguji dan menyelenggara serta mengaplikasi sebarang konsep teori. Program akademik UNIMAP adalah berasaskan 60% pengajaran dalam bentuk praktikal dan 40% lagi dalam bentuk pengajaran teori.

- Memiliki kemudahan prasarana yang setanding dengan IPTA lain – buktinya sebagai contoh UniMAP memiliki kemudahan Clean Room terhebat di Asia sehinggakan

kilang-kilang di Malaysia menjalinkan kerjasama dengan UniMAP untuk melatih pekerja mereka.

- Memiliki tenaga pengajar mahir dari dalam dan luar negara contohnya dari Australia, Iraq, Indonesia, Bangladesh, India, Britain, Mynmar, Republik Kyrgyz, Pakistan & Jepun.
- Menghasilkan produk penyelidikan dan telah memenangi pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti di Geneva, Warsaw, USA, Nuremberg Jerman, Brussels dan yang terbaru di Pittsburgh, USA.

Hasil dari maklumbalas yang diterima dari pihak industri sendiri mengenai pelajar-pelajar UniMAP yang telah menjalani latihan praktikal sendiri amat positif. Mereka secara jujur mengatakan pelajar-pelajar UniMAP amat cemerlang semasa menjalani latihan indsutri kerana apa jua bentuk tugas yang telah diberikan mampu diselesaikan dengan baik.

Malah, apa yang membanggakan bermulanya pada tahun 2006 sehingga tahun ini bakal-bakal graduan telah mendapat pekerjaan sebelum konvokesyen yang akan diadakan. Misalnya bagi kohort pertama-2006 100% mendapat pekerjaan, Kohort kedua-2007 90% dan Kohort ketiga iaitu pada tahun ini 25% telahpun mendapat pekerjaan di syarikat-syarikat multinasional seperti SILTERRA, AMD, AVAGO, NATIONAL SEMICONDUCTOR. AGILENT dan banyak lagi.

Para pelajar yang dikasihi sekalian;

Menjadi warga UniMAP, para pelajar semua harus bersedia untuk mengikuti budaya di sini iaitu yang berpegang teguh kepada moto Universiti iaitu 'ilmu, keikhlasan, kecemerlangan'. Ilmu adalah seponon rendang yang akarnya memenuhi dada bumi menjadi tunjang yang teguh bagi menghadapi taufan kejahilan. Orang yang berilmu juga laksana pohon rendang dapat menjadi teduhan kepada sesiapa sahaja. Ilmu menjadi peneraju amal yang diamanahkan oleh Tuhan, manakala keikhlasan kepada-nya mendasari penerokaan ilmu.

Kecemerlangan akan lahir dengan sendirinya sekiranya ilmu dan keikhlasan dihayati dan diamalkan dengan sewajarnya. Dan jika diadunkan pula dengan doa dan tawakkal pada Allah SWT, saya percaya ia mampu melahirkan graduan yang bersahsiah dan memenuhi kehendak pasaran kerja. Besarlah harapan kami agar segala hasil yang dijana oleh warga UniMAP ini dapat dimanfaatkan oleh negara dan seterusnya dunia.

Inilah yang menjadi harapan UniMAP kepada semua pelajar baru untuk bersama-sama menghayati moto 'ilmu, keikhlasan dan kecemerlangan' seperti mana yang kita sama-sama

menyanyikan lagu rasmi, 'WAWASANKU' sebentar tadi. Lirik lagu ini mempunyai maksud yang tersendiri dan sejajar dengan falsafah yang kita dukung.

Alam kejuruteraan – bermaksud UniMAP sebagai hub di mana ilmu kejuruteraan dibangun dan diperkembangkan untuk manfaat semua.

Ilmu keikhlasan kecemerlangan – merujuk kepada nilai teras yang perlu kita pegang untuk menjadi pelajar yang mempunyai minda kelas pertama, sesuai dengan aspirasi kerajaan.

Wawasan jiwa kita – Jiwa melambangkan kita bukan setakat faham akan ilmu, keikhlasan dan kecemerlangan secara ilmiah saja tetapi kita juga menghayati dan menjiwainya.

Berdikari rohaniah berteknologi – bermaksud ciri-ciri yang kita idamkan pada diri kita dan juga graduan kita, kita berdikari zahir dan batin dan menggunakan teknologi untuk kepentingan masyarakat, kita di *forefront* dunia teknologi.

Pemimpin berbestari – kita pemimpin dan kita juga mengeluarkan graduan bestari yang akan menjadi pemimpin kejuruteraan dan teknologi. Bestari yang bermaksud bijak, pintar, matang, tidak membuat keputusan secara melulu, sangat rasional.

Untuk bangsa, insan umat dunia – bangsa ialah bangsa Malaysia. Insan ialah manusia, manakala umat pula menjurus kepada islam. Dunia – merujuk kepada antarabangsa, global.

Negara yang tercinta – Merujuk kepada Malaysia dan semua masyarakat berbilang kaumnya, kita mendukung aspirasi kerajaan untuk membangunkan modal insan.

UniMAP juga telah mengariskan misi iaitu untuk melahirkan modal insan kamil yang menyumbang kepada agenda pembangunan dan daya saing industri negara. Manakala visi uniiversti pula adalah untuk menjadi institusi akademik dan penyelidikan yang berdaya saing di persada antarabangsa. Sebagai pelajar-pelajar baru di UniMAP, saya berharap saudara/i diharapkan dapat memahami dan menghayati misi dan visi ini sebagai panduan utama untuk kita semua bergerak seiring untuk mencipta kejayaan dan kecemerlangan universiti.

Para pelajar yang dikasihi sekalian;

Matlamat utama seseorang mahasiswa yang baru mendaftar ialah berjaya menamatkan pengajian dan akan menerima segulung ijazah. Matlamat bangsa dan negara pula adalah melahirkan warga berjiwa terbuka dan minda kelas pertama. Oleh itu bagi merealisasikan matlamat tersebut, pihak kerajaan berusaha utuk meringankan beban dengan dengan

memberi yuran pengajian subsidi sebanyak 65 hingga 80 peratus untuk pelajar pada tahun ini yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM5.9 bilion, berbanding RM4.9 bilion pada tahun lepas. Jikalau mengikut perkiraan pembayaran yuran pengajian, di UniMAP yuran tahunan bagi seorang pelajar adalah RM36,661.42 setahun. Namun Kerajaan telah membayar subsidi yuran sebanyak RM33,543.42, justeru para pelajar hanya perlu membayar yuran dengan jumlah yang kecil iaitu RM3,118 sahaja setahun. Terfikirakah para pelajar semua kenapa subsidi ini diberikan? Semuanya kerana kerajaan berhasrat untuk memudahkan pelajar dengan harapan anda semua dapat memberi fokus yang lebih untuk menuntut ilmu dan tidak menjadikan yuran pengajian sebagai alasan remeh untuk tidak menjadi pelajar yang cemerlang. Oleh itu menjadi harapan saya agar segala usaha, daya dan kudrat para pelajar harus dipaksakan atau difokuskan kepada pembelajaran. Hal ini kerana UniMAP ingin menghasilkan para pelajar yang mempunyai nilai diri yang positif iaitu:

1. Bersikap cinta ilmu pengetahuan
2. Berfikir dan bijak membuat keputusan berasaskan fakta
3. Kemampuan untuk berbincang dan berdebat
4. Kemampuan berkomunikasi dengan baik
5. Rajin membaca dan menerokai sumber-sumber baru ilmu sebagai asas untuk menerokai ilmu pengetahuan, bukan sahaja buku tetapi juga dunia siber

6. Melihat sesuatu isu dengan perasaan terbuka, tidak mudah dipengaruhi orang lain atau melihatnya secara emosional
7. Tidak mudah kalah dengan hujah, tetapi bukan bermakna menegakkan benang yang basah
8. Berani menerokai bidang-bidang baru
9. Sentiasa bersyukur dengan kemudahan yang diberi termasuklah tajaan kewangan
10. Sanggup terus belajar, bersemangat waja dalam menzahirkan kecintaan kepada ilmu
11. Mengekalkan jatidiri sebagai bangsa malaysia yang sejati, bermaruah, berbudi pekerti dan beradab sopan yang selaras dengan kemurniaan warisan bangsa yang ada
12. Bersemangat tinggi, berdaya saing dan sayangkan bangsa dan negaranya dengan meletakkan kepentingan negara dan institusi mengatasi lain-lainnya
13. Sentiasa subur dengan semangat untuk berbakti kepada masyarakat, menjadi jambatan kukuh yang mampu menyebarkan ilmu kepada anggota masyarakat, di desa mahupun di kota dengan tentunya terlebih dahulu berusaha menjadi 'role model' melalui pembentukan sahsiah diri dan budi pekerti yang tinggi serta semangat cintakan ilmu yang mendalam.

Para pelajar yang dikasihi sekalian;

Penglibatan saudara/i dalam minggu suaikenal ini sedikit sebanyak membantu untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan di kampus UniMAP yang berkonsepkan 'distributed campus', yang mana seluruh negeri Perlis ini menjadi perkarangan kampus kita, sesuai dengan impian kerajaan negeri Perlis untuk menjadikan negeri Perlis sebagai 'negeri ilmu'. Selain itu, konsep ini merupakan konsep yang bernas dan boleh dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh semua pelajar baru. Dalam kehidupan manusia, kita perlu menghayati pepatah yang menyebut 'bersusah-susah dahulu dan bersenang-senang kemudian' agar setiap dari kita insaf serta sedar bahawa untuk berjaya tidak ada jalan mudah sebaliknya terpaksa menempuh kepayahan dahulu.

Oleh itu, semua pelajar baru seharusnya mengambil ikhtibar dan menjadikan konsep 'distributed campus' UniMAP ini sebagai cabaran untuk akhirnya berusaha mencapai kecemerlangan dalam pengajian masing-masing. Namun, satu ingatan dari saya, sistem pembelajaran di Universiti jauh bezanya daripada sistem pembelajaran di peringkat sekolah, jika dahulu anda ibarat disuap dengan segala bentuk kesenangan dan kemudahan tapi kini sudah sampai masanya anda perlu berusaha sendiri. Di universiti, kebanyakan perkara akan diputuskan oleh mahasiswa itu sendiri. Putih dan hitam bergantung kepada mahasiswa. Berusaha mencari nota, berusaha mencari maklumat berkaitan pelajaran anda

dan berusaha untuk memajukan diri anda sekali gus mewujudkan persaingan sihat dikalangan anda semua.

Di kampus perlu cekap merancang. Hal ini kerana untuk ke perpustakaan para pelajar harus ke Kangar iaitu ke bangunan KWSP yang menempatkan jabatan cancellori, jabatan pendaftar, makmal serta perpustakaan. Di Kubang Gajah, Arau pula terdapat Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Pusat Teknologi Maklumat Dan Komunikasi. Di Jejawi pula ditempatkan bangunan pusat-pusat pengajian dan manakala di Kuala Perlis sendiri terdapatnya pusat kejuruteraan UniMAP, makmal serta kolej-kolej kediaman. Disebabkan ia terdapat di merata-rata tempat di negeri Perlis ini, maka UniMAP dikenali sebagai 'distributed campus' atau kampus teragih.

Walaupun begitu, UniMAP tetap menyediakan kemudahan dan prasarana yang sebaik mungkin bagi memastikan setiap pelajar baru menikmati keselesaan sepanjang berada di kampus ini. Umpamanya, perkhidmatan bas yang berjadual sentiasa diperbaiki dan ditambah jumlahnya bagi memastikan pergerakan pelajar-pelajar ke setiap cawangan di kampus yang teragih ini tidak terjejas. Selain itu, kolej kediaman pelajar sentiasa dipertingkatkan perkhidmatan dan kemudahannya dari masa ke semasa bagi memastikan keselesaan dan kualiti penginapan pelajar terjamin. Begitu

juga dengan setiap kemudahan pembelajaran pelajar-pelajar akan sentiasa dipastikan berkualiti dan mencukupi.

Para pelajar yang dikasihi sekalian;

Perlu diingatkan bahawa proses pendidikan adalah proses berterusan dan perlu dilakukan secara komprehensif. Pendidikan, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat akan menjadi kunci kejayaan sepanjang proses tersebut. Dalam menyahut cabaran untuk melahirkan mahasiswa kelas pertama unsur kemahiran dan nilai itu diadun bersama agar sumber manusia yang bakal mewarnai negara adalah sumber manusia yang mempunyai nilai dalam erti kata sebenar. Oleh itu untuk mencapai kejayaan dan digeruni di masa hadapan, usaha padu perlu dilakukan dari sekarang. Harapan saya dan seluruh warga UniMAP kepada saudara/i amatlah tinggi dalam usaha untuk melahirkan insan yang berkeperibadian unggul (towering personality) dengan memiliki kualiti utuh dan menyeluruh. Harapan kami ialah:

- Pertama, akan melahirkan bakal-bakal graduan lepasan ijazah dan diploma yang berkualiti dari segi pencapaian akademik iaitu graduan kelas pertama (CGPA 3.67 ke atas) sebanyak 10% dan graduan kelas dua ke atas (CGPA 3.0 – 3.66) sebanyak 50%.

- Kedua, melahirkan bakal-bakal graduan yang mempunyai soft skill yang tinggi iaitu mempunyai daya kepimpinan yang hebat, penguasaan bahasa Inggeris dan bahasa lain yang tinggi, mempunyai keterampilan diri yang menarik dan disayangi oleh ramai stakeholder (pelanggan)
- Ketiga, melahirkan bakal-bakal graduan yang mempunyai minda dan sahsiah kelas pertama.
- Keempat, melibatkan 100% pelajar dalam kegiatan sukan, kerja-kerja amal dan masyarakat.
- Kelima meningkatkan prestasi pelajar dalam bidang sukan olahraga, sukan permainan dan kebudayaan agar berupaya memenangi lebih 30% pingat dan sekurang-kurangnya 5% adalah pingat emas dalam pertandingan sukan antara universiti, dan
- Keenam melibatkan 5% pelajar dalam aktiviti pengantarabangsaan melalui pertukaran pelajar dalam bidang sukan, kebudayaan dan menyertai pertandingan-pertandingan di peringkat antarabangsa seperti bahas, keusahawanan, rekacipta dan lain-lain lagi.

Bagi memenuhi harapan kami ini, saya berharap anda semua tekadkan usaha untuk menjadi yang terbaik di antara yang terbaik. Ingatlah tiada jalan singkat dalam mencapai kejayaan. Ibarat seperti kata pepatah Melayu, yang bulat tidak akan datang bergolek, dan yang pipih tidak akan datang melayang. Akhir kata, selamat maju jaya, dan semoga dapat

menempuh alam kehidupan di menara gading dengan jayanya.

Seterusnya saya akan memperkenalkan barisan Ketua Jabatan Universiti Malaysia Perlis.

1.	Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin Naib Canselor
2.	Prof. Dr. Ali Yeon b. Md. Shakaff Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3.	Prof. Dr. Zul Azhar bin Zahid Jamal Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
4.	Tn. Hj. Rusli Hj. Abd. Hamid Pendaftar
5.	Pn. Saodah Hassan Bendahari
6.	Pn Hjh Foyziah bt. Ahmad Nasuruddin Ketua Pustakawan
7.	Prof. Madya Zaliman Sauli Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik
8.	Prof. Madya Dr. R. Badlishah Ahmad Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer & Perhubungan
9.	Prof. Dr. Ismail bin Daut Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik
10.	Prof. Madya Che Mohd. Ruzaidi Ghazali Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan

11.	Prof. Madya Dr. Abdul Hamid Adom Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik
12.	En. Zulkifli Abdul Rashid Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan
13.	Prof. Madya Dr. Mohamed Zulkali Mohamed Daud Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses
14.	Dr. Khairul Nizar Ismail Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar
15.	Tn. Hj. Huzili Hussin Dekan Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan
16.	Prof. Madya Abdul Rahman bin Mohd Saad Dekan Pusat Kejuruteraan
17.	Prof. Madya Abdull Halim Abdul Dekan Institut Matematik Kejuruteraan
18.	Prof. Madya Ir. Mohabbatul Zaman SNS Bukhari Dekan Pengurusan Akademik
19.	En. Mohd. Najmuddin Mohd. Hassan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
20.	Prof. Dr. Uda Hashim Dekan Penyelidikan dan Pembangunan
21.	Prof. Madya Dr. Mohd. Yusoff Mashor Dekan Pengajian Ijazah Tinggi
22.	Prof. Dr. Zuraidah bt. Mohd. Zain Dekan Pusat Hal Ehwal Antarabangsa
23.	Prof. Madya Mohd. Shuid b. Salleh Pengarah Pusat Kerjasama Industri

24.	Prof. Madya Mazelan Abdul Hamid Pengarah Jabatan Pembangunan
25.	En. Nasrudin bin Abdul Shukor Pengarah Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi
26.	Prof. Madya Dr. Salmah Ayob Pengarah Unit Kebudayaan dan Rekreasi
27.	En. Abdul Aziz Mahmudin Pengarah Unit Pembangunan Korporat
28.	Dato' Prof. Dr. Jamaludin Mohaiadin Pengarah Unit Pembangunan Lestari
29.	Prof. Madya Mohamed Murray Hunter Pengarah Unit Enterpris Kecil Sederhana
30.	Prof. Madya Dr. Mahmud Nor Jaafar Pengarah Unit Pembangunan Agroteknologi
31.	Ustaz Hassan Arshad Penyelaras Unit Agama Islam
32.	Lt. Kol. (B) Azuddin b. Bahari Penyelaras Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
33.	Prof. Madya Dr. Mustapah Daud Penyelaras Unit Pengajaran dan Pembelajaran
34.	Prof. Madya Dato' Dr. Kamarudin Mohd. Nor Penyelaras Unit Kualiti
35.	Prof. Dr. Ismail Abdullah Penyelaras Unit Multimedia
36.	En. Mohd. Khairuddin Md. Arshad Penyelaras Unit Penyelarasan Program Diploma

37.	En. Hirwan Jasbir Jaafar Penyelaras Unit Kajian Strategik
38.	En. Mohamad Ezral Baharudin Pengurus Kilang Mengajar
39.	Lt. Kol. (B) Omar Hamzah Zamhari Mohd. Nasir Penolong Pegawai Keselamatan
40.	En . Zuber Hj. Mohamad Pengetua Kolej Kediaman
41.	En. Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah Pengetua Kolej Kediaman